

20/09/2002

Projek jalan kampung dihenti akhir tahun

reports on "Dewan Rakyat" Rohaniza Idris; Tuan Nazuri Tuan Ismail KUALA LUMPUR, Khamis - Projek jalan kampung yang dilaksanakan menerusi sistem payung oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan ditamatkan akhir tahun ini berikutan beberapa masalah.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Salleh, berkata keputusan itu dibuat kerana banyak aduan yang diterima mendakwa hanya kontraktor induk memperoleh keuntungan manakala kontraktor kecil kelas F tidak mendapat untung selain aspek pengagihan projek.

"Bagaimanapun saya diberitahu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang mengkaji untuk menamatkannya (sistem itu) pada masa depan," katanya menjawab soalan tambahan Taib Azamudden Md Taib (Pas-Baling) di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan akan mengkaji semula skim payung bagi projek bekalan air dan elektrik luar bandar.

Katanya, 76 kontraktor induk dipilih melaksanakan skim payung bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan nilai RM994.9 juta bagi 2001 dan tahun ini.

Terdahulu, menjawab soalan asal Taib Azamudden Md Taib (Pas-Baling), Shafie berkata, kerajaan menyediakan tiga projek mengikut sistem payung iaitu pembekalan perabot, makanan dan penyelenggaraan, ubah suai dan menaik taraf sekolah di Semenanjung.

"Bagi projek pembekalan perabot, 142 kontraktor vendor dipilih membabitkan perbelanjaan RM15 juta dan diterajui oleh kontraktor utama Guthrie Furniture Sdn Bhd (GFSB) berkuat kuasa selama dua tahun bermula tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, projek pembekalan makanan pula diterajui Besta Distributor Sdn Bhd membabitkan 26 vendor dengan perbelanjaan RM12 juta.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan akan menyenaraihitamkan kontraktor Melayu yang menjual projek kepada orang lain untuk mendapat keuntungan mudah.

Shafie berkata, arahan itu dibuat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menerima banyak aduan mengenai penyalahgunaan projek.

"Berikutan bosan dengan keadaan itu, Dr Mahathir sudah meminta semua kementerian menyenaraihitamkan kontraktor itu dan mereka tidak diberi peluang mendapat mana-mana projek kerajaan pada masa depan," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Marang).

Shafie berkata, tindakan itu sebagai amaran selain menyekat orang Melayu yang hanya ingin cepat kaya.

"Kebanyakan orang Melayu mahu kaya cepat dengan memberikan projek kepada orang lain. Adakala projek yang diberikan kepada orang lain ini bukan saja tidak siap, malah subkontraktor menanggung kerugian," katanya.

Ketika ditemui di lobi Parlimen, Shafie berkata, kerajaan menyediakan program kontraktor wibawa dalam usaha menyekat penyalahgunaan projek yang diberikan kepada kontraktor Melayu.

Katanya, melalui program itu, hanya kontraktor tulen diberikan sijil penghargaan yang mana mereka layak diberikan projek kerajaan pada masa depan.